



GOLDEN ENVOY SDN. BHD.

SIARAN AKHBAR

UNTUK SIARAN SEGERA

Ref: PR02/18/BM

GOLDEN ENVOY SDN. BHD. LANCAR FASA 2A DESA IMPIAN, BANDAR TENGGARA

BANDAR TENGGARA, 24 Februari 2018 –Golden Envoy Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Avillion Berhad, hari ni telah melancarkan Fasa 2A Desa Impian di Bandar Tenggara. Majlis Pelancaran itu telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohd Sadique.

Fasa 2A Desa Impian ini adalah sebahagian dari Fasa 2 Desa Impian, yang mempunyai keluasan seluas 14.5 ekar dari luas keseluruhan sebesar 165 ekar yang sedang dibangunkan secara usaha sama oleh Golden Envoy Sdn Bhd dan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA). Kejurangan Desa Impian ini dibangunkan dengan memberi penekanan terhadap menyediakan kehidupan masyarakat yang baik dengan persekitaran kampung.

Datuk Halimah Sadique dalam ucapan perasmianya berkata, “Saya berasa amat gembira dan berbesar hati kerana majlis ini mencerminkan kesepakatan antara sektor awam dan swasta, baik di peringkat Persekutuan dan Negeri. Kawasan komersil yang terdapat di sini juga dijangka dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi tempatan di Bandar Tenggara”.

Golden Envoy telah mendapat kelulusan dari Unit Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia untuk menjual 45 dari 50 rumah teres satu tingkat yang akan dibina di dalam Fasa 2A dibawah skim PPA1M. Di bawah skim PPA1M, unit pertengahan akan dijual dengan harga RM170,000 seunit dan lot hujung (end lot) akan dijual pada harga RM175,000 seunit.

“Perumahan Rumah Mampu Milik adalah dibawah teras Perumahan di dalam Pelan Induk Kesejahteraan Rakyat Bandar. Pelan induk ini merupakan satu perancangan strategik yang holistik dan komprehensif untuk kesejahteraan rakyat bandar,” kata Datuk Halimah Sadique lagi.

Ahli Parlimen Tenggara itu juga mengalu-alukan penyertaan agensi-agensi seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)

Johor, Majlis Perbandaran Kota Tinggi dan Jabatan Perumahan Negara di dalam pameran sempena Majlis Kejiranan Desa Impian ini.

Datuk Halimah Sadique turut menanam Pokok Doa sebagai simbolik pelancaran fasa baru itu. Pembangunan keseluruhan 165 ekarkawasan perumahan dan komersil Desa Impian ini dijangka memakan masa selama 10 tahun.

###

About Avillion Berhad

Avillion Berhad (formerly known as Reliance Pacific Berhad) is an integrated hotel, property and travel group listed on the Bursa Saham Malaysia. The group operates a chain of hotels and spa in Malaysia and Indonesia, each one with its own personality and ambiance under Avillion Hotel Group. This consists of Avillion Port Dickson, aVi Spa, Avillion Admiral Cove, Avillion Legacy Melaka, Avillion Villa Cinta Bali, and Avillion Cameron Highlands. Avillion Port Dickson boasts award winning architecture blending individualism and personality within a natural environment.

For further information, please contact:

Tengku Nor Azah Tengku Mahmood
Head of Strategic Communications
Avillion Berhad
DL +603 2262 0118 / Mobile +6017 331 5667
tengkuazah@avillionberhad.com